

# Kes denggi seluruh negara meningkat

BH 18/1/14 MS 18

» Selangor catat kes tertinggi, dua kematian di Perak

Oleh Suhaila Shahrul Anuar  
bhnews@bh.com.my

## Putrajaya

**K**es demam denggi di seluruh negara mencatatkan peningkatan membingungkan apabila sebanyak 1,946 kes dilaporkan sepanjang minggu lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, berkata bagi tempoh 5 hingga 12 Januari lalu, jumlah kes meningkat sebanyak 907 kes atau 87.3 peratus berbanding 1,039 kes pada minggu sebelumnya.

“Selangor mencatatkan kes

tertinggi iaitu 1,543 kes, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, 319; Perak, 281; Johor, 229 dan Negeri Sembilan, 131.

### Enam kematian

“Bagi tempoh sama, terdapat dua kes kematian dilaporkan di Perak menjadikan kumulatif kematian kes denggi setakat ini adalah sebanyak enam kematian.

“Jumlah itu meningkat sebanyak empat kematian atau 200 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di laman web Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata, perkara itu perlu dipandang serius oleh semua pihak bagi mencegah peningkatan kes terus berlaku.

### Cuaca tingkat pembiakan Aedes

“Langkah pencegahan seperti menghapuskan tempat pem-

biakan Aedes perlu dipraktikkan.

“Tahap kebersihan di kawasan sekitar kediaman dan tempat tumpuan awam juga perlu dititikberatkan. Cuaca yang tidak menentu kini boleh meningkatkan lagi kadar pembiakan Aedes. Justeru, tempat yang berpotensi untuk pembiakannya perlu dihapuskan,” katanya.

Beliau berkata, dalam usaha memerangi demam denggi, Kementerian Kesihatan juga akan mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan.

“Kementerian akan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan serentak di seluruh negara pada 21 Januari ini.

“Selain itu, Kementerian Kesihatan juga akan terus mempergiatkan penubuhan projek Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI). Sehingga kini, 2,664 projek COMBI dilaksanakan dengan pembabitian 53,633 sukarelawan di seluruh negara,” katanya.

## FAKTA NOMBOR

1,543 kes

demam denggi di Selangor

319 kes

demam denggi di Kuala Lumpur dan Putrajaya

281 kes

demam denggi di Perak

229 kes

demam denggi di Johor

131 kes

demam denggi di Negeri Sembilan